




Peta : Menunjukkan Alam Minangkabau yang mengandungi Daerah Induk dan daerah rantau.

TANAH PESAKA ADAT DI NEGERI SEMBILAN
SEPINTAS LALU
oleh: Md. Sharif FH

Di antara beberapa jenis kategori tanah yang terdapat di Negeri Sembilan yang seluas lebih kurang 2,565 batu persegi itu maka ada beberapa kelompok kawasan apa yang dikatakan 'Tanah Pesaka Adat'. Tanah ini rata-rata adalah kawasan pertanian, terletak di lembahan anak-anak sungai, terbentang menganjur dari kawasan pergunungan hingga ke pesisiran laut. Keluasannya mengikut rekod yang dicatatkan lebih kurang 34,550 ekar iaitu 96 ekar di Jelevu, 18,000 ekar di Kuala Pilah, 1,699 ekar di Jempul, 12,680 ekar di Rembau, dan 2,072 ekar di Tampin. Bilangan Lotnya 20,454 dan bilangan Hak-Miliknya 20,174. Keseluruhan tanah tersebut terletak di kawasan luar bandar dan pendalaman terdiri daripada tanah perkampungan, persawahan, dusun buah-buahan dan kebun getah.

Asal mulanya 'Tanah Pesaka Adat'.

Oleh kerana jenis tanah ini tidak umum terdapat di semua negeri kecuali dalam kawasan masyarakat adat Perpatih Negeri Sembilan dan Nanning, elok juga rasanya diketahui serba sedikit sejarah terbentuknya tanah itu. Asal mulanya tanah tersebut adalah kepunyaan milik penduduk asli yang mula-mula mendiami negeri ini iaitu kaum Waris Jakun. Dalam pepatah kata-kata orang tua-tua terdapat ungkapan:

"Dari ulu air menyincang, ke laut ombak memecah,
maka itu waris yang punya.
Air segantang selubuk, tempat siamang berjawat-jawat,
tempat ungka berdayu-dayu, maka itu Batin yang punya".

Kemudian apabila gerombolan-gerombolan peneroka dari Minangkabau datang berhijrah ke Negeri Sembilan yang bermula dalam Kurun Masehi ke XIV sedikit demi sedikit tanah itu dibeli dan dimiliki oleh ketua-ketua pendatang itu serta dibuat kampung halaman tempat bercucuk tanam. Mereka sama-sama menjadikan tanah itu dengan bergotong-royong. Tanah-tanah itu tidak pernah ditentukan sebagai kepunyaan perseorangan melainkan milik bersama kepunyaan kumpulan atau 'Suku'.

Jikalau mereka berasal dari Batu Hampar Minangkabau umpamanya, maka tanah itu dikatakan kepunyaan Suku Batu Hampar. Demikianlah seterusnya. Ada dua belas nama suku terdapat di tanah adat: Biduanda, Batu Hampar, Seri Melenggang, Tanah Datar, Mungkal, Seri Lemak, Tiga Batu, Tiga Nenek, Paya Kumbuh, Batu Belang, Anak Acheh dan Anak Melaka.

Di Rembau apa yang dikatakan tanah adat itu bukanlah dibeli terus oleh ketua-ketua peneroka daripada ketua-ketua kaum asli seperti mana terdapat di tempat-tempat lain. Sebaliknya, tanah itu dibeli atau ditebus oleh mereka daripada Dato' Undang. Sebab, bila To' Lela Balang Ketua angkatan Minangkabau yang mula-mula sampai ke Rembau dikahwinkan dengan anak perempuan Batin Sekudai yang bernama To' Bungkal itu, maka mengikut sistem adat Minangkabau (Dato' Perpatih nan Sebatang) tanah-tanah dimiliki oleh anak perempuan, maka dengan sendirinya tanah itu menjadi milik To' Bungkal yang kemudiannya dikuasai oleh anaknya, Seri Rama yang dilantik menjadi Undang Pertama di Rembau. Itulah sebabnya di Rembau kadang-kala tanah adat kepunyaan suku itu disebut 'Tanah Bertebus'.

"Tekik kayu Batin Jenang, putus tebus kepada Undang,
Jangan berelak, lantak bertukul, emas bertahil,
dipijak tanah dilangkah akar Undang yang punya".

Tanah Adat dibawah tadbiran Dato' Lembaga.

"Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga, anak buah berbuapak".

Daripada ungkapan kata di atas nyata menunjukkan ketua-ketua adat itu berkuasa dalam bidangnya masing-masing. Jadi semenjak tanah itu diteroka dan didiami, pentadbirannya dikelolakan oleh ketua suku masing-masing apa yang dipanggil 'Dato' Lembaga'. Beliau inilah yang bertanggungjawab mengawasi tanah itu dan mengumpukkannya kepada anggota suku mengikut adatnya. Ada pun hak-milik mewarisi tanah ini ditentukan kepada pihak perempuan. Dengan itu adalah menjamin tanah tersebut berterusan wujud sehingga pada masa-masa akan datang. Walaupun dikatakan hak-milik diberi kepada perempuan tetapi mereka hanya mempunyai kuasa hak pakai sahaja 'Genggam yang berumpuk' tidak boleh dijual atau digadai. Harta itu tetap kepunyaan suku.

Takdirnya apabila meninggal seorang ibu, tanah pesaka adatnya akan berpindah milik kepada anak perempuan dan apabila anak itu meninggal pula tanah itu akan berpindah milik kepada anak perempuan juga, demikianlah seterusnya. Jika si mati tiada mempunyai anak perempuan harta itu akan berpindah pula kepada waris perempuan yang dekat. Jika tiada kadim yang dekat maka baharulah berpindah pula kepada kadim yang jauh dalam suku itu. Perbilangannya berkata: "Bermula kepada waris nan sejengkal, kemudian waris nan sehasta, lepas itu barulah waris nan sedepa". Kiranya keturunan perempuan sudah pupus, tidak ada siapa lagi yang berhak menerima dalam suku itu, maka tanah tersebut dipulangkan kepada Undang dan dinamakan 'Pesaka Tergantung'.

Tadbiran tanah yang sedemikian rupa sebanyak sedikit ada juga hikmatnya terutama sekali kepada kaum wanita. Di Tanah Minang-

kabau, Sumatra Barat, tanah adat ini dinamakan 'Pesaka Tinggi'. Oleh orang-orang di sana dikatakannya "Orang Minang belum kehabisan harta, yang memegang harta ialah bonda kandung". Demikian halnya dengan tanah adat di Negeri Sembilan, belum ada yang luak, kekal kepunyaan bersama ahli-ahli sukunya.

Ada pun cara menentukan sempadan bagi tanah tersebut pada zaman dulu seperti sempadan antara suku dengan suku, perut dengan perut, jurai dengan jurai, terpulang kepada ketetapan yang dibuat oleh Dato'-Dato' Lembaga dibantu oleh ketua-ketua adat yang lain berdasarkan kepada persetujuan dan muafakat bersama. Seperti yang terdapat bekas-bekasnya pada hari ini yang dijadikan batas sempadan itu ialah aliran anak-anak sungai, anak-anak bukit dan timbunan tanah tinggi, ketul-ketul batu besar, lurah dan gaung yang dalam serta lain-lain lagi. Sekarang ini semuanya itu telah diganti dengan penanaman batu sempadan.

Kaitan Dato'-Dato' Lembaga kepada tanah ini ada tersebut dalam gurindam adat: "Sebingkah tanah yang terbalik, sehelai akar yang terputus, sebatang kayu yang rebah, bertunggul berpamarasan, bersesap berjerami, berpandam berpekuburan. Kok kampung sudah bersudut, sawah sudah berjenjang, pinang sudah berjejer, Lembaga yang punya".

Kemasukan Inggeris dan Hak-milik Tanah

Inggeris mula campur tangan dalam pemerintahan Negeri Sembilan pada K.M. XIX melalui perjanjian-perjanjian yang dibuat dalam menyelesaikan pergaduhan-pergaduhan yang berlaku dikalangan dato'-dato yang berkuasa di negeri ini. Diantaranya ialah perjanjian dengan Sungai Ujung dibuat pada 21. 4. 1874, perjanjian dengan Jelevu dibuat pada bulan September 1886 dan perjanjian yang dibuat dengan Rembau pada 17. 9. 1887. Syarat-syarat perjanjian itu keseluruhannya selain daripada untuk menjaga keselamatan dan kepentingan perniagaan Inggeris, disebut juga tentang penyerahan kuasa, memungut hasil tanah dan cukai-mukai, pengeluaran geran serta sempadan tanah, permohonan nasihat dan bantuan daripada kerajaan Inggeris kepada dato'-dato' itu dan lain-lain lagi.

Dalam perjanjian dengan Rembau yang dibuat pada 17.9.1887 perenggan (3) umpamanya ada menyebutkan cukai dan pentadbiran tanah mengikut 'Pesaka Adat' mestilah dijalankan oleh Dato' Penghulu (Dato' Undang) dalam Majlis, sedangkan kawalan cukai-mukai tanah pertanian yang lain terpulang kepada pegawai yang dilantik oleh Tuan Yang Terutama (Govenor Negeri-Negeri Selat).

Menyentuh tentang 'Tanah Pesaka Adat' yang disebutkan dalam perjanjian itu, untuk menjaga supaya kedudukannya sentiasa terkawal tidak berpindah atau terjual kepada orang lain yang tidak sesuku dan susunan pindah hak-miliknya mengikut garis-garis dasar adat yang ditentukan maka enakmen tanah 'Customary Tenure Enactment' telah

digubal pada tahun 1909. Kemudian dibuat lagi Enakmen Tanah Pesaka Adat Cap 215-1926 dengan lebih terperinci memberi peruntukan bagi menjamin tanah itu tidak terlepas kepada mereka yang tidak termasuk dalam 'Suku nan Dua Belas.' Jadi dengan adanya undang-undang sebut bermaknalah kedudukan tanah itu terkawal dan seterusnya memberi jaminan kepada setiap anggota perempuan dalam sesuatu suku itu ada mempunyai hak-milik kepada tanah pesaka yang diwarisi melalui ibunya.

Sesuai dengan kehendak-kehendak yang tercatat dalam enakmen itu sehingga hari ini sebarang perkara yang berbangkit mengenai tanah itu sama ada dalam perkara pindah hak-milik atau lainnya semuanya dilaksanakan oleh Pemungut Hasil Tanah Daerah dipersetujukan dan dihadiri bersama oleh 'Lembaga Suku' yang berkenaan.

Anak Lelaki

Sekali pun anak lelaki itu dikatakan tidak menuntut tanah pesaka adat, tetapi ia boleh mengambil hasil daripada tanah itu selama hayatnya terutama apabila ia tiada mempunyai saudara perempuan. Di samping itu dalam keadaan yang sesuai dan memerlukan ia boleh juga meminta dituliskan namanya dibelakang geran tanah tersebut sebagai pemakan hasil. Tetapi apabila ia meninggal dunia kelak tanah itu dengan sendirinya akan kembali semula kepada sekadim perempuan yang mempunyai hak-milik kepada tanah itu.

Kelonggaran ini adalah merupakan satu jaminan hidup kepada saudara lelaki sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diinginkan pada masanya seperti kematian isteri atau jatuh miskin sehingga tidak ada tempat hendak bergantung. Dalam masyarakat adat saudara lelaki itu tidak akan terbuang atau diabaikan oleh saudara perempuan kerana perbilangannya ada berkata: "Saudara lelaki itu cicir dipungut, hilang dicari, rugi-laba isteri yang punya, nyawa darah waris yang punya." Sebusuk-sebusuk daging dibasuh dikincih dimakan juga."

Apabila kehidupan seseorang saudara lelaki itu terdesak ia akan balik juga ke kampung sukunya dan akan dibela pelihara oleh sekadim perempuan. Biasanya di rumah saudara perempuan sebuah ruang sentiasa disediakan baginya. Selama ia tinggal bersama-sama di situ maka harta tanah pesaka adat itulah jadi tempat ia berteduh. Takdirnya jika berlaku kematian atas dirinya, maka perbelanjaan menyelamatkan dan kenduri-kendaranya hendaklah dikeluarkan daripada harta pesaka itu.

Tanah Pesaka Adat sekarang ini.

Sekarang ini seperti dulu juga tanah itu kepunyaan suku-suku hak-miliknya atas nama kaum perempuan anggota suku yang berkenaan. Keluasannya tidak berubah kerana ia tidak boleh dijual-beli atau digadai kepada mana-mana pihak. Sebagai sebuah kawasan tanah perkampungan ia tetap dihuni, kemajuannya bergerak mengikut aliran zaman. Rumah-rumah bentuk tradisional atap rumbia berbumbung len-

tik ala Minang dahulu, satu demi satu telah bertukar wajah dengan bentuk moden beratapkan zing serta genting berwarna merah. Jalan-jalan denai kecil yang menyambungkan antara satu kampung dengan satu kampung sudah bertukar kepada jalan raya berminyak tar. Kenderaan bermotor kecil dan besar lalu-lintas ke sana-sini di samping itu basikal-basikal masih digunakan juga lagi. Perigi dan sumur takungan air sudah dikambus diganti dengan paip bekalan air. Tiang-tiang bekalan api letrik dan telefon berpancangan di sana-sini. Surau dan masjid mana-mana yang lama sudah diperbarui. Bangunan sekolah yang usang sudah diganti dengan yang baru dalam bentuk termoden. Sekolah-sekolah menengah juga turut didirikan dengan itu anak-cucu penghuni tidak payah berulang jauh ke bandar seperti pada masa silam. Pendeknya sama seperti di tempat lain kawasan ini tidaklah ketinggalan daripada menerima perubahan, terutama sekali apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan semenjak sepuluh tahun yang lalu.

Sungguh pun demikian keadaan tersebut tidaklah menyeluruh terdapat di semua tempat, sebaliknya ada juga yang tidak begitu, kerana itu tergantung kepada keadaan dan suasana tempatan. Apa yang hendak dikatakan bahawa kawasan ini tidaklah terbiar dan diabaikan daripada menerima kemudahan-kemudahan asas pembangunan yang diperuntukkan oleh kerajaan supaya dinikmati bersama oleh masyarakat.

Menyentuh tentang penduduknya pula, seperti kebanyakan kampung-kampung di luar bandar keramaiannya berkurangan dari semasa ke semasa. Demikian juga halnya dengan penduduk di tanah pesaka adat ini, keramaiannya turut berkurangan dan yang ada itu pun kebanyakannya terdiri daripada peringkat tua yang sudah berumur lebih daripada 60 tahun. Sebabnya, terjadi demikian ialah kerana pada satu ketika dulu mata pencarian di kampung sudah terdesak tidak ada jalan lain lagi yang dapat dibuat melainkan penduduknya keluar berhijrah meninggalkan kampung halaman. Setengahnya berpindah ke kawasan tanah rancangan menyahut seruan kerajaan lalu bermastautin di situ. Mana-mana yang merantau bekerja makan gaji di bandar atau di pekan yang biasanya balik ke kampung bila bersara, sekarang ini tidak begitu lagi halnya. Mereka diberi kemudahan memiliki rumah di tempat kerjanya dan tidak berminat lagi pulang menunggu kampung yang sudah sekian lama ditinggalkan.

Jadi oleh kerana sebab-sebab yang demikianlah penduduknya semakin merosot dan terdapat di setengah-setengah tempat dalam kawasan ini beberapa buah rumah tinggal ketirisan tidak bertunggu, kampung-kampung terbiar tidak berpelihara, tanah sawah luas tidak semua berjadikan meskipun parit dan tali air berselirat merentangi kawasan tanah pertanian itu.

Rancangan Pemulihan

Bagaimana pun sekarang ini kerajaan sedang giat melancarkan rancangan pemulihan kepada tanah-tanah pertanian yang terbiar di bawah sekim “Pembangunan Pertanian Negeri Sembilan Timur” yang mempunyai peruntukan empat puluh dua juta ringgit. Menurut ceramah-ceramah yang disampaikan sekim tersebut adalah berdasarkan kepada konsep pembangunan yang dipersatukan dan melibatkan kawasan-kawasan pertanian yang penduduknya telah sedia ada. Matalamatnya ialah memperbaiki penggunaan tanah petani yang kurang maju dan meningkatkan pendapatan dengan mengadakan perubahan dan kemudahan. Beberapa buah jabatan/agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Parit dan Tali Air, Perikanan, Perkhidmatan Haiwan, Lembaga Pertubuhan Peladang, MARDI dan FAMA adalah terlibat.

Alhamdulillah dengan adanya sekim ini sudah pastilah kawasan-kawasan tanah terbiar termasuk “Tanah Pesaka Adat” akan diberi perhatian. Mudah-mudahan kawasan ini akan kembali subur seperti pada zaman silam di bawah anjuran sekim pertanian tersebut.

Seperkara lagi, sekarang ini nampaknya dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kerajaan juga giat membina kilang-kilang perusahaan di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan perkampungan. Ini adalah satu pertanda baik kerana selain daripada boleh meninggikan taraf ekonomi penduduk luar bandar juga akan mengurangkan amalan pemuda-pemudi berhijrah mencari rezeki ke bandar.

Di samping itu rancangan ini juga adalah merupakan satu tarikan kepada mereka yang telah berhijrah dulu tetapi tidak begitu berjaya memburu kemewahan hidup di perantauan semuga akan balik semula ke kampung yang mana keadaannya sudah berubah kepada semi bandar sekarang ini. Tambahan pula sekarang ini sering kedengaran kehidupan di bandar itu sudah semakin terdesak, pengaruh inflasi sangat ketara, belanja hidup semakin meningkat. Rumah tempat tinggal bukan sahaja mahal sewanya tetapi payah hendak didapati, sedangkan di kampung kesulitan-kesulitan yang demikian itu tidaklah begitu mencabar.

Jadi pada masa akan datang manakala rancangan Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain rancangan kerajaan berjalan lancar, mendapat sambutan serta kerjasama dari segenap pihak tidak syak lagi kawasan perkampungan dan Tanah Pesaka Adat yang terletak di luar bandar akan hidup dan maju semula.

Sekian.

PERANAN SUNGAI LINGGI DALAM PERGOLAKAN POLITIK SUNGAI UJONG ABAT KE SEMBILAN BELAS (19)

Tahun 1874 menandakan tarikh bermulanya satu bahagian dari Negeri Sembilan, iaitu daerah Sungai Ujong mulai menerima penguasaan Inggeris dalam pentadbiran dan kuasa politiknya. Sebelum campurtangan itu berlaku beberapa pergolakan telah pun terjadi bagi merebut kekuasaan politik dan seterusnya mengambil alih kuasa pentadbiran daerah Sungai Ujong.

Sebab-sebab politik dan perdagangan adalah dua faktor yang membawa kepada campurtangan itu. Dalam abad ke 19 beberapa negeri di Tanah Melayu adalah kaya dengan bijih timah. Salah satu dari negeri itu adalah Sungai Ujong. ⁽¹⁾ Dalam hubungan dengan perdagangan abad ke 19 bijih timah adalah penting. Dalam bidang inilah orang-orang besar tempatan, saudagar-saudagar luar khasnya saudagar-saudagar Eropah terutamanya Inggeris menaruh minat dan memainkan peranan penting.

Kegiatan yang semakin meluas dan sangat menguntungkan dalam perdagangan bijih timah ini kemudiannya merebak pula kepada campurtangan politik, kerana kegiatan perdagangan semata-mata sudah tidak lagi memberi kepuasan sepenuhnya kepada mereka. Ini melibatkan pula peranan politik dan kekuasaannya – suatu alat paling berkesan dalam merebut kekuasaan pentadbiran dan kekuasaan perdagangan.

Dalam konteks abad ke 19 dan sebelumnya kekuasaan politik Sungai Ujong terletak dalam tangan sebuah institusi politik tradisional. Dalam tangan institusi inilah terenggamnya hak menguasai politik serta perdagangan bijih timah. Hak itu kemudiannya tergugat dan bertukar tangan disebabkan beberapa 'perkembangan' yang mendesak akibat perubahan-perubahan dan perkembangan yang berlaku di luar, di sekitar dan di dalam wilayah dan institusi politik Sungai Ujong itu sendiri. Perkembangan yang berlaku di luar itu berkait rapat dengan perubahan dan keperluan dari Revolusi Perusahaan di Eropah, khususnya di Britain. Perubahan di sekitar adalah berkait rapat dengan kemajuan-kemajuan perdagangan di Negeri-Negeri Selat dan perubahan-perubahan di dalam wilayah adalah berkait rapat dengan perkembangan kegiatan manusia atau penduduknya sendiri.

Tulisan ini adalah bertujuan untuk menyingkap kembali secara paling ringkas terhadap berlakunya 'perubahan peralihan hak' dalam kekuasaan politik dan perdagangan di Sungai Ujong pada bahagian akhir abad ke 19. Tulisan ini akan lebih menumpukan perhatian kepada

1. Sebelum penyatuan (9) daerah (negeri) yang membentuk Negeri Sembilan, Sungai Ujong adalah merupakan dan dirujuk sebagai sebuah negeri.

da suatu perkembangan yang berlaku dalam kegiatan manusia di wilayah Sungai Ujong yang membawa kepada beralihnya kuasa serta hak politik dan perdagangan dalam institusi politik Sungai Ujong kepada suatu kuasa luar.

Sungai Ujong sungguhpun telah lama tercatat dalam sejarah tetapi ia menjadi begitu terkenal dalam abad 19. Faktor pengenalan itu adalah kerana Sungai Ujong mengandungi dan banyak mengeluarkan bijih timah dalam abad ke 19 di Negeri Sembilan. Tetapi setakat daerah itu mempunyai bijih timah semata-mata belumlah memadai baginya untuk membawa masuk segala pergolakan politik dan perkembangan perdagangan dalam wilayahnya pada abad ke 19. Sungai Ujong menjadi begitu terserah kepada mata saudagar-saudagar asing dan Eropah serta ahli-ahli politik dari barat ketika itu kerana adanya perkembangan dan perubahan yang terdapat di Sungai Linggi. Sungai Linggi bukan sahaja merupakan sebatang sungai yang terbesar di Negeri Sembilan tetapi sejak Negeri Sembilan, khususnya Sungai Ujong, ujud ia menjadi perkampungan dan berkembang pula menjadi sebuah negeri tempat kediaman manusia Sungai Linggi yang begitu penting peranannya.(2)

Selepas pengambilan Pulau Pinang dan Singapura oleh Francis Light dan Stamford Raffles pada TM 1786 dan TM 1819 serta selepas terbentuknya Negeri-Negeri Selat pada TM 1826, perdagangan bijih timah adalah sangat penting sedangkan bekalaninya adalah didapati di negeri-negeri di sekitar Negeri Selat itu. Dalam perkembangan inilah Sungai Ujong yang berada di pinggir Negeri-Negeri Selat dan Selat Melaka itu telah terdedah kepada perkembangan perdagangannya yang akhirnya membawa pergolakan dan campurtangan pihak Inggeris.

Pendedahan Sungai Ujong kepada perdagangan bijih timah dan pergolakan politik dalam bahagian akhir abad ke 19 mempunyai kaitan yang amat rapat dengan Sungai Linggi. Sungai Linggi pula begitu penting peranannya apabila kampung dan wilayah Linggi dibuka.

Menurut sejarahnya Kampong Linggi telah dibuka seawal-awalnya pada TM 1783 dan selewat-lewatnya pada TM 1800 oleh satu keluarga dari Riau yang diketuai oleh Dato' Lebai Dolman (Dolman), cucu kepada Dato' Awaluddin dan Tok Serilah.(3)

Perkampungan itu kemudiannya mengujudkan satu unit politik apabila Institusi Dato' Muda Linggi diasaskan di kampung itu. Dato' Lebai Dolman (Dolman) adalah pengasas institusi itu. Ia dilantik dan diterima sebagai ketua yang pertama — dipanggil Dato' Lebai

2. Contoh dan bukti jelas yang pertama betapa pentingnya Sungai Linggi telah berlaku sejak kerajaan Melaka. Kesan tinggalan Keramat Sg. Udang ditepi Sg. Linggi — perkuburan Sheikh Ahmad yang dikatakan menderhaka kepada raja Melaka — Sultan Mansur Syah. Ia dibunuh lalu dikuburkan disini. Sg. Linggi lalu dikuasai oleh Melaka.

3. Tok Serilah ialah kekanda Dato' Awaludin

Dolman dan dianggap sebagai Penghulu. Setelah tiga tahun diangkat menjadi Penghulu, ia kemudiannya menyerahkan jawatan itu kepada Jeragan Abdul Rahman — seorang anak kepada Dato' Awaluddin. Oleh kerana Dato' Jeragan Abdul Rahman seorang pedagang (saudagar) dan selalu sahaja tidak berada di Linggi kerana urusan perdagangannya di samping urusan politik dan sosialnya dengan pihak berkuasa Bugis di Riau yang masih terlalu rapat maka anak saudaranya sendiri, iaitu cucu Tok Serilah bernama Muhammad Katas diserahkan tanggungjawab mengendalikan masalah-masalah politik dan keselamatan Linggi. Dato' Jeragan Abdul Rahman dipanggil Dato', dan Dato' Muhammad Katas dipanggil Dato' Muda oleh orang-orang Linggi. Bagaimana gelaran Dato' Muda Linggi ini ujud, jelas digambarkan oleh satu manuskrip orang Linggi.

“Setelah lapan belas tahun Tok Jeragan Abdul Rahman jadi Penghulu ia pun meninggal dunia. Maka muafakatliah orang tua-tua serta anak-anak buahnya lalu dilantiklah Muhammad Attas anak saudaranya lagi menantu kepada Tok Jeragan Abdul Rahman jadi Penghulu yang ketiga. Tetapi ia digelar Dato' Muda sahaja. Menurut kata pencerita masa hidupnya lagi adalah Tok Jeragan Abdul Rahman itu biasanya disuruhnya Muhammad Attas itu menolong menguruskan kerja-kerjanya. Oleh itu siapa datang hendak berjumpa ketuaan Linggi itu maka bertanya-tanyalah ia, Dato' manakah kita hendak dapatkan? Dato' Tua atau Dato' Muda? Dato' Tua ialah Tok Jeragan Abdul Rahman dan Dato' Muda ialah Tok Muhammad Attas. Dan dengan demikianlah setelah Tok Jeragan Abdul Rahman meninggal dunia panggilan itu kekal digunakan hingga dikukuhi pula oleh ibubapa Dato' Rembau dan Dato' Semujung. Demikianlah riwayat gelaran 'Dato' Muda' ketuaan Linggi itu. (4)

Berbalik kepada tajuk tulisan ini — satu manuskrip tulisan tangan tinggalan orang-orang tua Linggi menyebutkan

‘maka ia pun lalu membuka tempat yang bernama Linggi itu dengan kebenaran Dato' Penghulu Rembau iaitu Penghulu Kusil Kemudian di belakang antara tiga tahun lebih kurang dan pula Dato' Haji Kassim dua beradik dengan Khatib Musa itu daripada cucu Tok awal [Tok Awaluddin] pindah ke Linggi.

4. Tulisan Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin, terdapat dalam simpanan Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Said bin Muhammad, bekas Menteri Besar NS. Cikgu Abdul Samad lahir pada TM 1876, mendapat latihan Perguruan di Maktab Melayu Melaka. Semasa hidupnya ia banyak menyelidiki Sejarah Linggi dan mengumpulkan tulisan orang-orang tua Linggi, yang sekarang tersimpan dengan Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Said. Dipercayai ia mula menyelidik pada TM 1912 apabila jawatan Dato' Muda Linggi telah kosong kerana beberapa perebutan.

Kemudian muafakatliah ia antara saudaranya menerangkan Sungai Semujong dan membawa perahu mudik maka tatkala sampai ke Semujong dikehendaki oleh orang Semujong cukai'(5)

Sungai Linggi mempunyai dua cabang terbesar. Satu cabang menghala ke utara hingga sampai ke Sungai Ujong (Seremban sekarang) di sebut Sungai Batang Penar. Satu cabang lagi menghala ke timur, memasuki daerah Rembau, disebut Sungai Batang Penajis. Kedua-dua cabang ini bertemu di suatu pertemuan dipanggil Simpang—suatu tempat paling strategi bagi mengawal lalu lintas di Sungai Linggi dalam abad ke 19.

Peranan Sungai Linggi mulai jadi penting setelah sungai itu dibuka sebagai jalan perdagangan masuk ke Sungai Ujong dan Rembau oleh orang-orang Linggi atas daya usaha salah seorang cucu Dato' Awaluddin bernama Mahmud dan pengikut-pengikutnya; antaranya ialah Haji Kassim, Khatib Musa dan Kanda Ali. Ini bermula di sekitar TM 1804, iaitu zaman Dato' Jeragan Abdul Rahman menjadi Penghulu Linggi (TM 1804 – 1820). Ini jelas diceritakan oleh satu manuskrip lagi.

'Kemudian apabila sudah tetap orang-orang ini di dalam Linggi maka bermuafakatliah Mahmud dan lain-lain menerangkan Sungai Linggi yang bernama Batang Penar iaitu sungai yang mudik ke Sungai Ujong.' (6)

Setelah Sungai Linggi dibuka maka manuskrip itu menyebutkan lagi

'Maka dibuatnyalah sebuah perahu kulit kemudian daripada itu membawa dagangan mudik ke Sungai Ujong seperti garam, beras dan lain-lainnya. Maka apabila sampai ke Semujong ditahanlah oleh orang di situ kerana berkehendakkan cukai'. (7)

Dari tulisan di atas jelas menceritakan bagaimana bermulanya Sungai Linggi memainkan peranan sebagai jalan perdagangan ke bahagian pendalaman Negeri Sembilan, khasnya Sungai Ujong dalam abad ke 19.

Dalam hubungan ini C.D. Cowan menulis,

-
5. Copy '(salinan) surat Dato' Muda Mohd. Bestam kepada Tuan Resident Negeri Sembilan. Disalin semula oleh Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin daripada Muhammad Attas (Kital), cucu Tok Muda Bestam masa ia mengajar di Sekolah Rantau pada 17hb. September, 1919. Dato' Muda Mohd. Bestam ialah Dato' Muda Linggi yang ke (6), memegang jawatan dari TH 1893 hingga TM 1912.
 6. Manuskrip Cikgu Abbas bin Zakaria kepada D.O. Pegawai Daerah Port Dickson pada 23hb. Julai 1924. Dokumen fail D.O. PD. 221/23. Manuskrip ini disalin semula oleh Cikgu Abdul Samad bin Zainudin dari fail D.O. tersebut. Cikgu Abbas bin Zakaria lahir pada TM. 1860. Pada TM 1912 ia dicalon menjadi Dato' Muda Linggi, tetapi tidak mendapat 'kebulatan' dari warith-warith Linggi.
 7. *Ibid.*

Bahagian barat pergabungan Minangkabau ini adalah penting kepada dunia luar kerana bijih timahnya yang dikerjakan oleh pelombong-pelombong Cina di Sungai Ujong dan Lukut, sungguhpun pada masa itu Lukut terletak di sempadan Selangor. Jalan yang paling baik sekali ke limbong-limbong tersebut ialah melalui 'Sungai Linggi'.⁽⁸⁾

Bahagian barat pergabungan Minangkabau yang dimaksudkan oleh Cowan di sini ialah Negeri Sembilan barat sekarang ini, iaitu Daerah Port Dickson, yang termasuk Lukut dan Linggi di dalamnya. Dalam hubungan dengan tulisan ini satu kesimpulan dapat dibuat — Sungai Linggi adalah jalan utama ke Sungai Ujong dalam abad ke 19. Memandang kepada sejarah penubuhan Kampong Linggi, Sungai Linggi mulai menjadi penting semenjak awal abad ke 19 lagi.

Ada lagi sejarawan-sejarawan lain yang mengetengahkan keterangan dan tulisannya yang sama mengenai peranan Sungai Linggi ini tetapi tidak perlu diketengahkan.

Apabila sahaja pedagang-pedagang dari Linggi selamat mendarat di Sungai Ujong membawa barang-barang dagangannya, maka Dato' Kelana Sungai Ujong dengan segera telah menggunakan kedudukan politiknya melindungi dan mengiktiraf Linggi. Hal ini digambarkan,

'Maka apabila sampai ke Semujong ditahanlah oleh orang-orang (di situ perahu ini kerana berkehendakkan cukai. Maka orang perahu itu, Mahmud, tidak mahu membayar cukai itu dan pergilah ia mengadap Dato' Rembau mengadukan hal ini. Kemudian Dato' Rembau pun menyuruhkan seorang Lembaganya bersama-sama Mahmud mengadap Dato' Kelana menyembahkan pengaduannya ini serta mengatakan yang Mahmud ini telah dibenarkan membuka tanah Linggi dan sudah dikadimkan menjadi anak kepada Rembau. Maka sabda Dato' Kelana, 'Jika sudah anak kepada Rembau, anaklah kepada Semujong'.⁽⁹⁾

Peranan Sungai Linggi bertambah penting apabila bijih timah dilombong di Sungai Ujong dan dikehendaki dengan banyak oleh saudagar-saudagar asing, khasnya orang-orang Cina dan Eropah di Negeri-Negeri Selat untuk diekspotkan ke Eropah. Perkembangan ini bermula sejak awal tahun 1830an. Mengikut Khoo Kay Kim, bahawa: "Bertambahnya aktiviti perdagangan pada tahun-tahun 1830an telah membawakan suatu faktor konflik yang baharu di dalam suasana politik di Negeri Sembilan".⁽¹⁰⁾ Adalah dikatakan hasil bijih timah dari Sungai Ujong dalam tahun 1832 banyak dikeluarkan (diusahakan) di Sala, Sa Maraboh, Batu Lobong, Kayu Ara dan Temiang. Hasil

8. C.D. Cowan, 'Tanah Melayu Kurun ke 19' Asal Usul Penguasaan Politik British, (trns) DBP. K.L. 1970. Latihan Ilmiah untuk ijazah PH. D.

9. op. cit.

10. Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850—1873*, OUP, Kuala 1972 hal. 50.

bijih timah itu dibawa keluar menghilir Sungai Linggi hingga sampai ke Pengkalan Kundang, Pengkalan Durian dan Pengkalan Manggis. Di tempat-tempat ini bijih timah ditukarkan dengan beberapa jenis barang-barang makanan dan pakaian. Barang-barang ini dibawa ke Sungai Ujong untuk diperdagangkan dengan menggunakan perahu-perahu kecil sahaja, kerana perahu yang boleh memuat antara satu hingga satu setengah koyan muatan tidak boleh memudiki Sungai Linggi itu lebih jauh dari ketiga-ketiga 'pengkalan' yang disebutkan itu.

Pengkalan Kundang, Pengkalan Durian dan Pengkalan Manggis adalah tiga perkampungan di sepanjang Sungai Batang Penar (Sungai Linggi). Pengkalan Kundang adalah pekan Linggi sekarang ini. Ia terletak di tepi tebing pertemuan antara Sungai Kundang dengan Sungai Solok kedua-duanya adalah anak Sungai Batang Penar. Dua batu menghilir dari Pengkalan Kundang ialah Pengkalan Durian. Perkampungan ini masih ujud sekarang; terletak satu batu dari pekan Linggi menghala ke Melaka. Pengkalan Manggis tidak dapat dikesan lagi sekarang ini. Nama yang masih ujud ialah Sua Manggis, Jauh ke darat dari tebing Sungai Linggi.

Oleh kerana perdagangan di Sungai Linggi ini begitu pesat perkembangannya sekumpulan orang-orang Cina dari Sungai Ujong pernah membuat perjanjian dengan Dato' Penghulu Jeragan Abdul Rahman. Dalam perjanjian itu dikatakan kedua pihak bersetuju bijih timah dari Sungai Ujong akan dibawa ke hilir hingga sampai ke Linggi. Dari Linggi akan dibawa pula ke Melaka. Dengan cara ini membolehkan pemerintah Linggi memperolehi sejumlah pendapatan dari perdagangan itu. Perjanjian ini kemudiannya telah diperkenankan oleh Dato' Kelana Kawal dari Sungai Ujong. Ia jua memberi kebenaran membuka lombong-lombong bijih timah di Sungai Ujong. Pada tiap-tiap kali bijih timah itu dihasilkan tanpa mengira berapa banyaknya Dato' Kelana itu akan diberi tiga bahara (11) berharga tiga puluh ringgit tiap-tiap satu bahara dan pada tiap-tiap sebuah lombong yang dikerjakan tuan tanah lombong itu akan dibayar enam ringgit sebulan. (12)

Sehingga TM 1832 ketika seorang penulis (pengembara) Eropah melawat Kampong Linggi tidak terdapat keterangan yang jelas berapakah banyaknya bijih timah yang telah dikeluarkan dari Sungai Ujong. Tetapi di dalam tahun 1828 dikatakan terdapat lebih kurang 1,000 orang pekerja-pekerja lombong Cina di Sungai Ujong. Mereka tinggal di dalam beberapa buah rumah kongsi. Tiap-tiap satu kongsi di bawah seorang ketua. Disebabkan satu pergaduhan dengan orang-orang Melayu di sana pekerja-pekerja lombong itu telah dihalau. Tetapi di dalam

-
11. Satu bahara beratnya bersamaan dengan tiga pikul (300 kati). Lihat J. Kreemer, Atjeh, E.J. Brill, Leiden, 1923, hal. 5.
 12. Khoo Kay Kim, op. cit. hal. 48. Lihat jua T.J. Newbold, Political and Statistical Account of the British Settlement in the Straits of Malacca, Vol. 2, OUP. Kuala Lumpur, 1971, hal. 104.

tahun 1830 lombong-lombong itu telah dibuka semula dan pekerja-pekerjanya telah meningkat hingga 400 orang (13) dan dengan pekerja yang sedemikian ramai dan dari bentuk perahu yang dikatakan boleh memuat diantara satu hingga satu setengah koyan itu pada tiap-tiap sebuah dapat menunjukkan bahawa bijih timah yang diusahakan di Sungai Ujong pada akhir tahun 1820 an itu berada dalam jumlah yang agak besar jua jika dilihat pula ada tiga 'pengkalan' persinggahan yang penting di Sungai Linggi ketika itu, bermakna satu pengkalan sahaja tidak memadai bagi memindah dan mengendalikan bijih timah ke perahu yang lebih besar. Malahan disebutkan juga di ketiga-tiga pengkalan itu disediakan gudang-gudang menyimpan bijih. (14).

Ketiga-tiga pengkalan itu bukan sahaja sebagai pengkalan mengeksport bijih, tetapi di sana jua terdapat (terkumpul) beras, candu, garam, tembakau, pakaian, minyak dan kulit-kulit kerang untuk dijadikan kapur. Barangan ini mendapat pasaran yang baik di Sungai Ujong. Untuk mengimpotnya ke sana dan mengeksport pula bijih timah, peniaga-peniaga Melayu mengambil bahagian penting. Terdapat jua pekerja-pekerja Melayu mengangkut bijih timah dari lombong-lombongnya hingga ke sebuah kampung bernama Jiboi. (15) Jiboi terletak kira-kira 30 batu dari Linggi. Dari Jiboilah bijih timah itu dibawa menghilir dengan perahu hingga sampai di ketiga-tiga buah pengkalan yang tersebut.

Dari tahun 1820 – 1849 Dato' Muda Katas memerintah Linggi. Zaman pemerintahannya menandakan bermulanya pergolakan ekonomi dan politik yang lebih bergelora di Sungai Ujong dan melibatkan pula Negeri Sembilan. Di dalam wilayah Linggi ia merupakan Dato' Muda (Penghulu) yang ketiga, yang terus memperkuat lagi kedudukan institusi Dato' Muda itu serta memperteguhkan lagi peranan Linggi dalam perdagangan. Sehingga akhir abad ke 19 Melaka masih lagi berperanan sebagai pelabuhan perdagangan dan depot penjualan hasil-hasil dari negeri-negeri Melayu disekitarnya. Sesuai dengan fungsinya seperti itu maka Melaka telah menjadi tumpuan beberapa saudagar bijih timah dari Eropah. Antara mereka ialah John Bartholomeus Westerhout, J.E. Westerhout, Keluarga Neubronner yang telah menubuhkan Messrs. Neubronner & Co., dan Keluarga. Terdapat juga beberapa saudagar Cina antara mereka ialah Kho Seng Hoon See Boon Tiong, Yeo Hood Hin dan Lee Qui Lim. (16) Antara saudagar-saudagar itu maka keluarga Neubronner adalah terlibat secara langsung dengan Dato' Muda Mohd. Katas. Ia berterusan sehingga TM 1844. (17)

13. Khoo Kay Kim, *op. cit.* hal. 48.

14. *Ibid.*

15. Jiboi sekarang dibangunkan semula dari kesah tinggalan (bekas) lombong bijih timah, terletak di tengah-tengah antara Jalan ke Jelebu dan Jalan ke Kuala Pilah di Seremban; betul-betul di tepi Sungai Batang Penar.

16. Khoo Kay Kim, *op. cit.*, hal. 59 – footnote.

17. *Ibid*; hal. 118-119. Lihat jua Niwbold - *op. cit.* hal. 94, 97, 104 dan 105.

Hubungan perdagangan yang sedemikian rupa telah memberikan beberapa faedah dan keuntungan besar kepada pemerintah Linggi dan Sungai Ujong. Keberuntungan ini sepatutnya dinikmati mereka tanpa gangguan atau apa-apa cabaran kerana itu adalah hak milik wilayah dan kebijaksanaan mereka mengeksploitasi suasana dan keadaan. Tetapi tidak demikian kenyataan sebenarnya. Perkembangan dan kemajuan di Linggi itu menimbulkan perhatian, irihati dan hasrat dari pihak luar untuk mengambil alih kekuasaan di Sungai Linggi yang menjadi nadi perdagangan di situ. Perhatian yang demikian rupa telah membawakan suatu bentuk perkembangan dan pergolakan politik yang melibatkan Simpang, Sungai Linggi, Wilayah Linggi, Sungai Ujong dan Rembau.

Pihak luar yang menumpukan perhatian terhadap wilayah Linggi itu datangnya dari Rembau yang bersempadan dengan Linggi dan Sungai Ujong. Rembau yang dimaksudkan di sini ialah beberapa orang besarnya. Mereka telah mengadakan beberapa tindakan agresif terhadap wilayah Linggi untuk menguasainya. Tindakan itu ditentang pula secara kekerasan. Ini kemudiannya menimbulkan apa yang dianggap sebagai 'huru-hara politik' atau 'keadaan tidak aman' menguasai dan menganggu kesetabilan perdagangan bijih timah di Sungai Linggi.

Situasai yang digambarkan di atas mulai berlaku sejak TM 1832 dan berterusan sehingga TM 1874. Period antara TM 1830 hingga TM 1860 menunjukkan ujudnya dayausaha dan tipu helah yang tidak putus-putus dengan diikuti oleh peperangan yang berlaku sekali-sekali antara orang-orang besar di Linggi dan Sungai Ujong dan Rembau.

Dalam tahun 1830 Raja Ali telah berpaling tadah terhadap Naning dan membantu Inggeris mengalahkan Naning dalam Perang Naning. Kejayaan itu menyebabkan Inggeris mengiktiraf Rembau sebagai sebuah 'Negeri' yang berdaulat, dan Raja Ali sebagai Dato' Undang (Penghulu) Rembau serta dibebaskan dari penguasaan Belanda sebelum pengambilan Melaka oleh Inggeris. Raja Ali bertambah nekad dengan pengiktirafan itu lalu mencuba pula meletakkan dirinya sebagai Yang Dipertuan (18). Ia telah melantik menantunya, Syed Syaaban, menjadi Yang Dipertuan Muda. Syed Syaaban menggunakan perlantikan itu bagi menguasai perdagangan di Sungai Linggi. Ia telah mengenakan cukai dua ringgit bagi sebahara bijih timah yang dibawa dari Sungai Ujong ke Melaka. Bagi menguatkuasakan tuntutan itu ia membina kubu-kubu di Simpang. Kesannya kesetabilan perdagangan bijih timah di situ telah terganggu dan mendatangkan banyak kerugian kepada Dato' Muda Mohd. Attas dan saudagar-saudagar di Melaka. Ini menye-

babkan Dato' Muda itu dengan sokongan peniaga-peniaga di Melaka mengisytiharkan perang terhadap Syed Syaaban. Mohammad Katas juga dibantu oleh Dato' Kelana Kawal dan Raja Radin. (19) Mereka berjaya menghalau keluar Syed Syaaban dari Linggi. (20)

Perang Linggi — Syed Syaaban ini berlaku dalam TM 1833. Akibatnya hubungan Rembau—Linggi menjadi tegang. Bagaimanapun selepas perang itu perdagangan bijih timah di Sungai Linggi kembali bergerak. Dato' Muda Katas kembali memainkan peranannya dalam perdagangan. Keadaan seperti itu berterusan sehingga TM 1848.

Dalam TM 1848 — 1853 beberapa gangguan telah berlaku lagi di Simpang dan Sungai Linggi. Tahun 1848 dan 1849 Lebai Kulop, ipar kepada Haji Mohd. Salleh, seorang waris Bandar telah mengadakan sekatan di Simpang untuk memungut cukai di situ. Sebelum ini Lebai Kulop telah terlibat dalam satu pergaduhan dengan orang-orang Cina di Sungai Ujong. Empat orang China yang berhutang kepadanya telah terbunuh, yang mengakibatkan ia rugi sebanyak \$4,000/— . Dato' Kelana berjanji akan membayar setengah dari kerugian itu tetapi telah tidak ditunaikan. Selain dari itu Tabau (Tabaw), isteri Lebai Kulop, pada suatu hari telah menghilir Sungai Linggi untuk menemui Dato' Muda Katas yang mempunyai hubungan persaudaraan dengannya. Perahu yang dinaikinya bersama sedikit harta bendanya telah dirompak dan Tabau telah dicabul. Lebai Kulop meminta ganti-rugi dari Dato' Kelana di atas kehilangan harta dan kehinaan keatasnya itu, tetapi telah tidak memberi apa-apa kesan. (21) Atas sebab-sebab tersebut ia telah mengambil keputusan memungut cukai di Simpang. Ini dilakukannya sehingga TM 1859. (22)

Dalam TM 1849 Dato' Kelana Kawal meninggal dunia. (23). Begitu juga dengan Dato' Muda Katas. Kematian kedua-dua orang besar ini tidak pun mengendurkan ketegangan di Simpang dan Sungai Linggi. Malahan dalam tahun 1855 beberapa orang lain telah pula mengambil kesempatan mengadakan sekatan di beberapa tempat di Sungai Linggi untuk memungut cukai. Di antara mereka termasuklah Dato' Kanda, anak kepada Dato' Bandar Haji Muhammad Salleh, ipar Lebai Kulop. Dato' Kanda telah membina sekatan di Pengkalan Kempas, Syed Ahmad di Bukit Tiga dan Haji Muhammad Salleh di Sungai Serban. (24)

19. Khoo Kay Kim, op: cit., hal. 45-46.

20. J.M. Gullick, 'Sungai Ujong' dlm JMBRAS, Vol. 22. Pt. 2. 1949. hal. 59.

21. Khoo Kay Kim, op: cit., hal. 120

22. Braddel, 'Second Continuation of Report & C8 dlm. Government Papers Relating The Malay Peninsula (GPMP) hal. 13.

23. Khoo Kay Kim, op: cit., hal. 120

24. Ibid. hal. 120-121.

Tempat Dato' Mohd. Katas digantikan oleh Dato' Muda Haji Muhammad Salleh sebagai Dato' Muda Linggi yang keempat. Ia juga seorang lagi dari menantu Dato' Jeragan Abdul Rahman. Dato' ini walaupun telah mempunyai pengalaman kerana hubungan rapatnya dengan Dato' Muda Mohd. Katas, tetapi tidak ada tindakan berkesan yang dapat dilakukannya kepada gangguan dan pergolakan politik yang sedang berlaku di Simpang dan tempat-tempat lain di sepanjang Sungai Linggi pada awal pemerintahannya itu.

Dari perkembangan yang berlaku ini, pedagang—pedagang bijih timah di Melaka, di samping membayar cukai yang telah biasa dipungut oleh orang-orang besar yang memang mempunyai authority, mereka terpaksa membayar tiga lagi cukai tambahan. Oleh itu timbul desakan-desakan kepada pihak Inggeris di Negeri-Negeri Selat supaya tindakan yang segera bagi memperbaiki keadaan itu patut diambil, (25) Oleh itu dalam tahun 1853 satu percubaan telah dibuat untuk menetapkan satu bentuk cukai yang boleh memuaskan semua pihak yang terlibat dalam perdagangan itu. Tindakan itu ialah mencadangkan supaya cukai yang dikenakan ialah sepuluh peratus sahaja terhadap bijih timah sementara lain-lain barang dikecualikan dari apa-apa cukai. Hak milik memungut cukai hendaklah diupahkan kepada orang Cina di Melaka. (26) Satu pertiga dari pungutan cukai itu akan dibahagi-bahagikan diantara orang-orang besar mengikut pangkatnya. (27) Cadangan itu tidak mendapat sambutan. Dato' Kelana Sending yang menggantikan Dato' Kelana Kawal tidak dapat melemahkan kedudukan ketiga-tiga pemungut cukai di sepanjang Sungai Linggi kerana mereka disokong dan diperkuatkan oleh pihak Rembau dan di Sungai Ujong sendiri telah timbul pula suatu konflik politik di antara Dato' Bandar itu dengan Dato' Bandar Kulop Tunggal. (28)

Pihak Inggeris di Negeri-Negeri Selat setelah tidak berjaya mengusahakan suatu sistem pemungutan cukai yang boleh mengamankan keadaan di Sungai Linggi telah mengambil langkah memanggil orang-orang besar yang terlibat ke dalam suatu pertemuan yang diadakan di Simpang dalam bulan Januari 1855. Di antara yang hadir ialah Dato' Kelana, Dato' Undang Rembau dan beberapa orang Buapak yang mengetuai beberapa suku di Rembau. Hasil dari pertemuan itu Dato' Kelana dan Dato' Undang Rembau bersetuju untuk mengembalikan keamanan di Sungai Linggi. Dato' Muda Linggi telah diberi kuasa untuk menentukan bahawa tidak ada lagi sekatan-sekatan dibuat di Sungai Linggi di sepanjang kawasan lebih ke hilir dari Permatang Pasir. Mereka jua bersetuju bahawa Lebai Kulop hendaklah dihalau keluar dari Simpang secara paksa. (29)

25. Barddel, op: cit., hal. 13.

26. Khoo Kay Kim, op: cit., hal. 120

27. Braddel, op: cit., hal. 13.

28. Khoo Kay Kim, op: cit., hal. 121

29. Lihat GPMS. Breddel, op: cit., hal. 14.

Selepas pertemuan ini Dato' Kelana bersama-sama dengan Dato' Muda Linggi telah cuba memusnahkan kubu-kubu dan sekatan-sekatan di Sungai Linggi, tetapi hingga bulan Mei 1855 usaha mereka masih tidak memberi kesan. Oleh itu Dato' Kelana telah menulis surat kepada pihak Inggeris meminta bantuan. Dalam bulan Ogos, 1855 Dato' Kelana Sending dengan dibantu oleh sebuah schooner pihak Inggeris telah menghancurkan kubu-kubu Lebai Kulop di Simpang ketika Lebai Kulop tidak ada di sana. Pengikut-pengikut Lebai Kulop telah dihalau keluar. Tetapi kejayaan memusnahkan kubu-kubu Lebai Kulop di Simpang itu tidak pula membawakan kemusnahan kepada kegiatan-kegiatan memungut cukai secara haram di Sungai Linggi. Atas tindakan pihak British di Negeri-Negeri Selat keamanan dapat diwujudkan kembali, tetapi hanyalah di antara TM 1857 hingga 1860 sahaja. Konflik yang berlaku di antara Dato' Kelana Sending dengan Dato' Bandar Kulop Tunggal belum lagi tamat. Untuk menyusahkan lagi Dato' Kelana, maka Dato' Bandar dalam awal-awal tahun 1860 telah memungut cukai-cukai lalu lintas perdagangan di Sungai Linggi. Hanya setelah adanya campurtangan dari Dato' Undang Rembau, konflik di antara kedua-dua orang besar di Sungai Ujong itu dapat diselesaikan dalam bulan April 1860. (30)

Masa dari awal tahun 1860 hingga awal 1865 seolah-olah menunjukkan tidak ada apa-apa pergolakan politik yang mencemaskan telah berlaku. Tetapi pergolakan datang semula dalam pertengahan tahun 1865. Dalam tahun itu Dato' Kelana Sending telah pergi ke Linggi merancangkan satu bentuk pemungutan cukai yang tetap di Linggi. Tindakan ini menimbulkan kemarahan kepada Rembau, kerana tidak berunding lebih dahulu dengan Rembau. Bantahan itu menyebabkan Dato' Kelana menawarkan sebahagian kecil dari cukai itu kepada Rembau. Dato' Undang Rembau menolak tawaran itu. Ia masih berpendapat bahawa Rembau adalah 'emak' dan Sungai Ujong adalah 'bapa' kepada Linggi, dan Rembau adalah berhak keatas Sungai Linggi.

Dalam bulan November 1872 Dato' Undang Rembau telah meninggal dunia di Lubok China. Jawatan Dato' Undang Rembau yang kosong itu telah menjadi rebutan di antara dua orang yang sama-sama kuat dan berpengaruh. Mereka ialah Haji Mustafa dan Haji Sahil. Keduanya bergelar Dato' Perba (Purba). Diantara keduanya ini Haji Sahil lebih agresif. Ia telah mengambil tindakan terhadap Dato' Muda Linggi, apabila ia mendengar bahawa Dato' Muda itu telah membina kota di dalam kawasan jajahannya. Haji Sahil telah membawa orang-orangnya menyerang kota itu dan menawan pula sebuah kota lain di Bukit Tiga. Setelah tindakan itu Haji Sahil telah memungut cukai dari perahu-perahu perdagangan yang lalu lintas di sana. Perbuatannya ini telah banyak mendatangkan gangguan kepada kebebasan lalu lintas perdagangan bijih-bijih di Sungai Linggi.

Kesemua yang telah digalurkan di atas tadi adalah merupakan faktor-faktor percanggahan politik di antara sesama besar yang melibatkan Sungai Linggi, yang merupakan pusat pengumpulan dan perdagangan bijih timah waktu itu. Kesan pergolakannya itu dirasakan juga dibahagian-bahagian lain di Negeri Sembilan.

Selain dari pergolakan antara orang besar Sungai Ujong dengan Rembau atau masalah di Sungai Linggi maka Selangor jua bersama terlibat dalam masalah yang sama. Selangor terlibat apabila Raja Mahadi, kerabat Diraja Selangor berperang dengan Tengku Kudin (Dhiauddin) menantu kepada Sultan Abdul Samad, Selangor. Dalam TM 1870 Tengku Kudin bertindak untuk menguasai Sungai Linggi. Ia telah mengikat satu perjanjian dengan Rembau yang sedang bermusuhan dengan Sungai Ujong. Mereka bersetuju menetapkan Simpang sebagai sempadan antara Selangor dengan Rembau dan Tengku Kudin akan memberi bantuan kepada Rembau menguasai Simpang.

Dalam bulan Julai 1872 Dato' Shahbandar Sungai Ujong telah membantu dan membenarkan Raja Mahadi menggunakan Sungai Linggi untuk masuk ke Ulu Kelang. (31) Ini dianggap oleh Tengku Kudin bahawa orang besar Sungai Ujong telah membantu musuhnya itu. Oleh itu sebagai tindakbalas, Tengku Kudin telah menduduki Simpang dalam bahagian akhir TM 1872.

Tindakan Tengku Kudin ini tambah mengkecamukkan lagi keadaan huru-hara politik dan perdagangan yang telah sedia ujud di Sungai Linggi. Tengku Kudin mengenyepikan satu kenyataan bahawa tindakannya itu telah melibatkan secara langsung kepentingan Dato' Kelana Sungai Ujong. Dato' Kelana kemudiannya bersama-sama dengan Dato' Muda Linggi dengan bantuan Inggeris telah bertindak melenyapkan kekuasaan Tengku Kudin di Simpang.

Dengan kejadian-kejadian di atas pihak berkuasa Inggeris di Negeri-Negeri Selat telah menggesa Dato' Kelana memperkuatkan kekuasaannya di sepanjang Sungai Linggi; tetapi ia tidak berjaya berbuat demikian kerana kedudukannya agak lemah. Oleh itu ia mencadangkan kepada Inggeris supaya satu perjanjian dibuat, yang boleh memberikan Inggeris kuasa mengawal dan memungut cukai sebanyak sepuluh peratus di Sungai Linggi. Pihak British di Negeri-Negeri Selat telah memberikan perhatian kepada cadangan itu, dan maju selangkah ke depan dengan mencadangkan seorang Assistant British Resident ditempatkan di Linggi. Pegawai itu diharapkan bertindak sebagai pengadil kepada semua hal ehwal mengenai perdagangan di antara saudagar-saudagar di Negeri-Negeri Selat dengan peniaga-peniaga bumiputera. (32)

31. C.D. Cowan, op: cit., hal. 148-149.

32. Khoo Kay Kim, op: cit. hal. 123-124

Pada 15hb: September 1872 Syed Abdul Rahman mewakili Dato' Kelana bersama-sama dengan Dato' Muda Linggi telah menghantar sepucuk surat kepada Gabnor di Negeri-Negeri Selat yang menyatakan tuntutan ke atas Simpang, Linggi. (33) Pada 17hb. Disember, 1873 Captain Shaw, Leftenan Gabnor Inggeris di Negeri Melaka dikatakan telah memanjangkan ke Singapura sepucuk surat daripada Dato' Perba Haji Sahil dan tujuh belas orang pemimpin-pemimpin kecil dari Rembau. Dalam surat itu, ia telah meminta Captain Shaw supaya dapat campurtangan menyelesaikan masalah tuntutan Dato' Kelana dengan Undang Rembau terhadap Simpang Linggi dan beberapa banyak lagi kubu-kubu di Sungai Linggi. Jika Gabnor itu enggan bekerjasama menyelesaikan tuntutan itu akan terjadi kekacauan yang akan melibatkan Melaka.⁽³⁴⁾ Captain Shaw telah mengambil kesempatan menggunakan permintaan dari Rembau itu sebagai tempat bertindak.

Di Sungai Ujong Dato' Kelana Sending telah meninggal dunia pada tarikh itu. Tempatnya digantikan oleh Dato' Kelana Syed Abdul Rahman. Ia dianggap sebagai seorang yang tidak suka berperang dan lebih memandang kepada perdamaian. Awal TM 1873 ia telah berkunjung ke Singapura. Selepas kunjungan itu sikapnya terhadap Dato' Perba Haji Sahil telah bertukar dari sikap menentang kepada menyokongnya dengan syarat Dato' Perba itu memahami akan hak masing-masing di Sungai Linggi dan dapat pula mencari persefahaman dengan Tengku Kudin dan dirinya; jika perlu melalui jasa baik kerajaan Negeri-Negeri Selat. (35)

Di Linggi pula, menjelang Februari 1874, berita tentang campurtangan Kerajaan Inggeris di Perak dan Selangor menyebabkan orang-orang besar Linggi mahu menerima nasihat yang membolehkan tercapainya satu persetujuan bersama-sama dengan Dato' Kelana dan Dato' Perba untuk mengujudkan keamanan di Sungai Linggi. Hasil dari ketiga-ketiga perkembangan inilah maka Leftenan Gabnor Melaka dan beberapa saudagar penting di sana telah berjaya menjemput Dato' Kelana, Dato' Muda Linggi dan Dato' Perba menghadhiri satu persidangan di Melaka. Hasilnya satu penyelesaian sementara telah dicapai; bahawa semua sekatan dan kubu-kubu di sepanjang Sungai Linggi hendaklah dimansuhkan dan pengutipan cukai serta pembahagian hasilnya akan dijalankan secara aman damai. (36)

Ketika persidangan di Melaka itu dijalankan Gabnor Sir Adrew Clarke telah menghantar surat kepada ketiga-ketiga orang itu — Dato' Kelana, Dato' Muda Linggi dan Dato' Perba Haji Sahil dan juga Dato' Bandar Sungai Ujong serta Haji Mustafa dari Rembau datang ke Singapura untuk membentangkan masalah mereka. (37)

33. Khoo Kay Kim, op: cit. hal. 193.

34. Cowan, op: cit., hal. 267.

35. Ibid., hal. 266.

36. Ibid., hal. 267.

37. Ibid.


Jemputan yang dibuat oleh Andrew Clarke ke Singapura hanya dihadiri oleh Dato' Kelana dan Dato' Muda Linggi sahaja. Orang-orang besar hanya menghantar wakilnya sahaja. Ketiadaan Dato' Kelana dan Dato' Muda Linggi di Wilayah masing-masing itu telah digunakan oleh orang-orang Rembau untuk melakukan satu kekacauan di Sungai Linggi. Mereka telah menahan perahu-perahu yang lalu di sana di sebuah kubu di Bukit Tiga. Berita ini tiba ke Singapura pada 18hb. April, 1974. (38) Bukti-bukti jelas menunjukkan bahawa perbuatan itu dilakukan atas arahan Dato' Perba Haji Sahil.(39)

Semua perkembangan, pergolakan-pergolakan politik di Negeri Sembilan dari TM 1832 hingga awal TM 1874, telah mendorongkan pihak British melakukan campurtangannya ke Negeri Sembilan pada TM 1874. Selain dari sebab pergolakan politik di Linggi, Sungai Ujong dan Rembau itu sendiri, maka suatu kenyataan lain yang jelas ialah Pejabat Tanah Jajahan British sendiri telah menukar dasar — dari dasar tidak campurtangan kepada dasar campurtangan dalam hal ehwal politik di Negeri-Negeri Melayu, mulai TM (1872). (40) Sesuai dengan pergolakan dan perubahan dasar British itu maka pada 21hb. April, TM 1874, Sungai Ujong dan Wilayah Linggi telah menandatangani satu perjanjian. Perjanjian itu meletakkan kedua-dua wilayah itu di bawah pemerintahan Inggeris.


38. Ibid., hal. 267.

39. Ibid., hal. 270.

40. Khoo Kay Kim, 'The Origin of British Administration in Malaya' dlm JMBRAS Vol. 39, Pt. 1, 1966, hal. 91.




Bangunan Sekretariat Kerajaan Negeri Sembilan. Bangunan ini dibina sekitar awal tahun 20 an. Di sinilah letaknya pejabat Residen British yang sebenarnya memerintah Negeri Sembilan sehingga kedatangan Jepun dalam tahun 1941. Residen British yang akhir berpejabat dalam bangunan ini ialah: Tuan M.C.F. Shepherd



Sisa-sisa kompleks bangunan Hospital Besar Seremban. Hospital ini dibina awal abad 20 ini untuk menyediakan kemudahan rawatan perubatan kepada pegawai-pegawai kerajaan khususnya dan penduduk Seremban amnya.




Bangunan Masjid Negeri. Masjid ini telah dibina dalam tahun 1928, dan berfungsi sebagai Masjid Negeri sehingga bangunan barunya yang ada hari ini siap dalam tahun 1967. Bangunan masjid lama ini dijadikan Masjid India Seremban hingga sekarang.



Pejabat Daerah Rembau. Mula ditunggu dalam tahun 1915 iaitu apabila Pejabat Daerah di Kampung Batu ditutup. Pejabat ini dikosongkan pada tahun 1983.



Masjid Nerasau. Salah ~~sebuah~~ masjid yang tertua di Rembau, berumur kira-kira 150 tahun. Tarikh siap dibina tercatat pada bulan Jamadil akhir T.H. 1254.



Pejabat Pos Rembau. Mula digunakan dalam tahun 1915 apabila Pejabat Pos di Kampung Batu ditutup.




'Penarikan' iaitu Kawasan Genting (Watershed) Sg. Jempol — Sg. Serting, laluan perjalanan Pantai Barat ke Pantai Timur atau sebaliknya. Pernah digunakan oleh Sultan Melaka ketika Baginda berundur ke Pahang.




Tinggalan parit di Serting, dibina oleh orang Siam dalam abad ke 19 untuk menggantikan 'Penarikan' yang tersebut di atas, dalam usaha peluasan kawasan pengaruh mereka.



Bangunan Sekolah Melayu Jempol. Dibina dalam pertengahan tahun 1898, ia merupakan antara sekolah Melayu yang tertua dalam Negeri Sembilan. DYMM Al Marhum Tuanku Abd. Rahman, Yang Di Pertuan Agong Pertama pernah bersekolah di sini.



Istana tinggal Yamtuan Seri Menanti, di Serting, dibina dalam tahun 1931. DYMM AL Marhum Tuanku Abd. Rahman, Yang Di Pertuan Agong Pertama pernah tinggal di sini semasa kanak-kanak.




Istana Lama Sri Menanti

Istana ini telah dibina dalam tahun 1905. Kemudian dipindahkan ke tapak yang ada sekarang dalam tahun 1910. Ianya dibuat daripada kayu-kayu yang keras, empat batang tiang yang terbesar dan terpanjang daripada kayu penak atau cengal yang diambil dari Padang Lebar. Raja yang pertama bersemayam di istana ini ialah Tuanku Muhammad Shah dalam tahun 1910. Lambang-Lambang kebesaran diraja Negeri Sembilan tersimpan di istana ini.




Makam Diraja Sri Menanti


Makan ini dibina dalam tahun 1913 dan dibuat oleh buruh-buruh India. Yamtuan Melewar adalah raja yang pertama dimakamkan di sini tetapi ada juga yang mengatakan bahawa Yamtuan Ulin adalah raja yang pertama dimakamkan tetapi tidak pula diketahui di mana letaknya makam beginda. Makam Diraja ini juga dikatakan ada yang menjaganya iaitu 3 ekor harimau, bernama To' Paroi, To' Pangkah Bulan dan To' Bintang, yang dikenali sebagai harimau makam.




Bekas bangunan Pejabat Daerah Jelevu ini siap dibina dalam tahun 1885, dianggap bangunan tertua yang pernah dibina oleh penjajah Inggeris. Pegawai Daerah Inggeris Jelevu pertama ialah F.G. Garret, 1855 – 1888, dan yang terakhir ialah K.W. Reid (1955).



Bangunan Mahkamah Majesterit Daerah Jelevu — dibina sekitar tahun-tahun 1900 oleh Inggeris. Mahkamah Majesterit tersebut kini dalam proses penukaran ke Pejabat Daerah Jelevu yang lama.




Bangunan bekas penjara Jelebu. Bangunan ini dibina dalam tahun-tahun 1900 oleh Inggeris. Bangunan ini pada hari ini telah diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Jelebu.




Bangunan sekolah Melayu yang tertua di Daerah Jelebu iaitu Sekolah Melayu Ulu Klawang. Dibina pada tahun 1896/97 untuk murid-murid seramai 40 orang dan 2 orang guru. Antara Guru Besar yang pernah bertugas di sini ialah Cikgu Said. Kini sekolah tersebut telahpun ditutup dan digunakan oleh Pasukan Askar Wataniah.



Makam Raja Ali terletak di Kampung Padang Lebar, Keru Hilir, Bt. 6½ Jalan Gemas, Tampin. Raja Ali ialah Bapa Mertua kepada Syed Shaaban bin Syed Ibrahim, Yamtuan Tampin. Beliau pernah membantu Dato' Undang Rembau menentang Raja Haji dan telah dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau.



Bangunan Pejabat Kastam Tampin. Terletak dalam Pekan Tampin di sempadan Negeri Sembilan — Melaka. Jabatan Kastam mula ditubuhkan di Tampin dalam tahun 1867 berikutan dengan perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri Selat dari Syarikat Hindia Timur ke Jabatan Tanah Jajahan, London. Cukai atas barangan keluar-masuk dari dan ke Melaka/ Negeri Sembilan dipungut hingga kejatuhan Tanah Melayu ke tangan Tentera Imperial Jepun dalam tahun 1942.



Bangunan Hospital Daerah Port Dickson. Kelihatan di dalam gambar ini ialah sebahagian daripada kompleks bangunan Hospital Daerah Port Dickson, yang dibina dalam tahun 20-an, sebagai menggantikan Hospital Port Dickson yang pertama pernah dibina di Batu 3, Jalan Pantai.



Masjid Jame' Port Dickson.

Bangunan ini telah dibina awal abad 20 ini oleh seorang saudagar kaya dari keturunan Arab, bernama Tuan Sheikh Abdul Rahman. Sebuah rumah banglo milik Sheikh ini menjadi bangunan Sekolah Menengah Chung Hwa (Persendirian), Port Dickson, tersergam di atas bukit yang dikenal sebagai Bukit Tuan Sheikh.